



## FRSB UPM PAMER 60 ARTIFAK DALAM STEDEX



**SERDANG, 18 JAN** – Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM) mempamerkan 60 artifak pameran berindeks berkaitan isu persekitaran dan rekabentuk mapan yang dikenali sebagai Stedex' 11.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata seramai 540 orang pelajar prasiswazah terbabit dalam pameran itu.



“Penerbitan maya melalui Virtual Library Museum Pages (VLMP) juga telah dikembangkan untuk memastikan setiap artifak mendapat status artikel petikan berindeks.

“ Pameran STEDEX' 11 pada kali ini menampilkan dua kelebihan iaitu bahan artifak dimasukkan dalam format audio/ visual di VLMP, katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D' Cruz berkata usaha FRSB menampilkan kaedah alternatif di dalam penerbitan Art and Humanities Indeks merupakan idea kreatif yang memanfaatkan hasil pengajaran dan pembelajaran reka bentuk berkualiti.



“Inisiatif ini meningkatkan jumlah penerbitan dan hasil penyelidikan daripada tiga kumpulan iaitu ‘Environmental Design Behavior Research Group’, ‘Environmental Design Technologies and System Research Group’ dan ‘Environmental Design Integration Research Group’ katanya dalam ucapan perasmian.

Sempena Stedex berlangsung, seminar Sustainable Tropical Environmental Design yang dianjurkan merupakan landasan perkongsian intelektual berkaitan isu persekitaran dan reka bentuk.

**berita ini disediakan oleh Pejabat Pemasaran & Komunikasi (MarComm), Aniza Salwa, 03-8946 5164, (Photo) Mohd Hasrul Hamdan, 03-8946 6189**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia